

# **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**BENGGEL KESEDARAN DAN  
PEMERKASAAN PEMATUHAN SYARIAH  
2024**

**4 JUN 2024 (SELASA)  
2.30 PETANG  
HOTEL MITC, MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Koperasi dan  
Salam Malaysia Madani.

## **(SALUTASI)**

1. Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat berkumpul untuk melaksanakan Bengkel Kesedaran dan Pemerkasaan Pematuhan Syariah 2024 ini yang

dianjurkan oleh Seksyen Pematuhan Syariah, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah di bawah Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran ANGKASA.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak

penganjur yang telah berusaha gigih untuk menjayakan bengkel ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua peserta yang hadir dari Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang meluangkan masa selama 2 hari 1 malam di Hotel MITC ini.

## **Hadirin Hadirat yang dihormati**

3. Kita semua di sini hadir dengan satu matlamat yang sama, iaitu untuk memperkukuhkan kesedaran dan pemeraksanaan Syariah dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. ANGKASA melihat kepentingan pelaksanaan Syariah adalah kritikal

dalam koperasi bukan sahaja dari sudut pematuhan undang-undang tetapi juga dari sudut moral dan etika perniagaan. Koperasi yang berlandaskan prinsip Syariah mestilah memastikan bahawa semua aktiviti dan transaksi mematuhi hukum yang telah ditetapkan dalam agama Islam.

Kepentingan Pematuhan Syariah ini adalah sangat penting kerana:

- i. Supaya koperasi melaksanakan apa yang telah disyariatkan Allah SWT di dalam Al-Quran dan Sunnah;
- ii. Supaya koperasi bebas dari elemen Ketidakpatuhan Syariah seperti Riba', Gharar, dan Maisir;



- iii. Supaya koperasi melaksanakan pembayaran Zakat Perniagaan Koperasi;
- iv. Seterusnya agihan keuntungan secara Patuh Syariah melalui dividen kepada anggota dapat dilakukan;
- v. Menjana keuntungan dalam keberkatan.

4. Sehubungan dengan itu, penganjuran Bengkel Kesedaran dan Pemerkasaan Syariah 2024 ini dianjurkan bagi meningkatkan persediaan dari segi ilmu dan maklumat dalam melaksanakan Pematuhan Syariah dalam Gerakan Koperasi.

5. Program 2 hari 1 malam ini akan menampilkan dua orang penceramah yang berwibawa, iaitu **Dr. Abdullah Jalil** dan **Ustaz Mohamad Hasanan**, yang mana mereka juga adalah Ahli Jawatankuasa Syariah ANGKASA. Mereka akan mengupas topik utama yang sangat rapat dengan koperasi iaitu Aplikasi Mudharabah dan

Musyarakah dalam membangunkan ekonomi koperasi serta Pengurusan Modal Syer, Yuran, dan Tabungan Koperasi dari segi perspektif Sariah.

6. Berdasarkan statistik terkini daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga Disember 2023, jumlah perolehan yang dijana oleh

koperasi ialah sebanyak **RM 64.5 billion**. Manakala jumlah syer/ yuran koperasi pula sebanyak **RM 17.44 billion** dan jumlah aset koperasi pula bernilai RM 165.98 **billion**. Berdasarkan angka-angka ini, maka tajuk perbincangan di dalam bengkel ini akan menjurus kepada topik ini.

## **Hadirin – Hadirat yang dihormati**

7. Kepatuhan syariah bukan lagi satu alternatif tetapi merupakan satu kewajiban. Pelbagai platform patuh syariah seperti Perbankan Islam, Takaful, Pembiayaan Islam, Pelaburan dalam Saham Patuh Syariah dan sebagainya telah sedia wujud di

Malaysia. Pelbagai institusi atau organisasi telah ditubuhkan untuk menyokong kepada kepatuhan Syariah ini seperti Majlis Penasihat Syariah Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Amanah Saham Islam dan pengeluaran fatwa-fatwa semasa berkenaan Muamalat.

8. Dalam konteks ANGKASA, kita perlu sedari bahawa ANGKASA mempunyai Jawatankuasa Syariahnya sendiri iaitu seramai 6 orang yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Dato' Dr. Mohamad Sabri Haron, Mufti Negeri Terengganu. Keberadaan Sahibus Samahah Mufti Negeri Terengganu sebagai Pengerusi Jawatankuasa



Syariah ANGKASA adalah satu bentuk pengiktirafan dan kepercayaan kepada kredibiliti ANGKASA selaku badan puncak Gerakan Koperasi dinilai dengan begitu positif dan mempunyai peranan yang besar.

9. Melalui GP:28 Garis Panduan Tadbir Urus Syariah, ANGKASA telah dilantik

secara rasmi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai Konsultan Syariah Luaran bagi Gerakan Koperasi. Melalui pelantikan ini, ANGKASA begitu komited dalam memertabatkan Pematuhan Syariah dalam Gerakan Koperasi melalui perkhidmatan yang diberikan iaitu merangkumi

- i. Rundingan dan bimbingan
- ii. Audit Pematuhan Syariah
- iii. Pengiktirafan Pematuhan Syariah

10. Saya berharap agar semua peserta akan mengambil peluang ini untuk belajar dan berinteraksi secara aktif. Sama-samalah kita berusaha untuk mempertingkatkan kefahaman dan

pelaksanaan syariah dalam koperasi, demi mencapai matlamat bersama untuk kesejahteraan dan kemakmuran ummah.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur serta semua yang terlibat

dalam menjayakan bengkel ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta. Semoga usaha kita diberkati dan mendapat keredhaan Allah SWT. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Bengkel Kesedaran dan Pemerkasaan Syariah 2024.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.